



مجلس قرييندريان كوتبهاري بندري اسلام

PEMBERITAHUAN

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM TAHUN 2026.

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam bidang Perkhidmatan Pembersihan Awam.

No. Sebutharga	Pendaftaran Dengan kementerian Kewangan	Jenis Kerja	Harga Dokumen
SP.2/2025	Kod Kepala 221001 221002 221003	Sebutharga Bagi Perkhidmatan Pembersihan Awam Dan Kutipan Sisa Pepejal Berserta Tandas Awam Di Pasar Tok Guru Cabang 3 Pengkalan Chepa Dan Pasar Berek 12, Kota Bharu, Kelantan.	RM 50.00
SP.3/2025	Kod Kepala 221001 221002	Sebutharga Bagi Perkhidmatan Pembersihan Awam Terminal Bas Kota Bharu, Lembah Sireh, Kota Bharu, Kelantan.	RM 50.00
SP.4/2025	Kod Kepala 221001 221002	Sebutharga Bagi Perkhidmatan Pembersihan 3 Blok Bangunan Pejabat MPKB-BRI, Pejabat Di Kompleks Sukan MPKB-BRI, Pejabat Bahagian Letak Kereta MPKB-BRI Di Wakaf Che Yeh Dan Kiosk Mesin ATM MPKB-BRI.	RM 50.00

Nota :

1. Bakal penender adalah dinasihatkan untuk melawat bangunan yang terlibat sebelum membeli dokumen sebutharga untuk menentukan keluasan, jenis kerja dan jenis bahan kimia yang sesuai digunakan.

2. Dokumen sebutharga yang mengandungi syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dengan bayaran RM 50.00 senaskah daripada **Bahagian Pengurusan Harta, Blok B, Tingkat 3, Majlis Perbandaran Kota Bharu – BRI** pada bila-bila masa waktu pejabat mulai **6HB. NOVEMBER 2025**.
3. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan mengemukakan Surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan satu salinan fotostat.
4. Dokumen sebutharga yang dipilih mestilah dikemukakan dengan menggunakan borang sebutharga yang disediakan termeteri dalam sampul surat bertulis :

Contoh ;

NO. SEBUTHARGA : SP.x/xxxx

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN

..... **KOTA BHARU, KELANTAN.**

dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Bahagian Perolehan, MPKB-BRI selewat-lewatnya pada jam **12.00 tengah hari pada 26HB. NOVEMBER 2025**.

5. Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga paling rendah atau sebarang sebutharga.
6. Sebarang pertanyaan hendaklah berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Harta, MPKB-BRI bila-bila masa waktu pejabat.

Sekian, terima kasih.

" ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT "
" SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT "
" MEMBANGUN BERSAMA ISLAM "

Saya yang menjalankan amanah,


(**Sr HELMI BIN ABDULLAH**)

Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam

Bertarikh : 6hb. November 2025.



مجلس قريندران كوتبهارو بندراري اسلام

PEMBERITAHUAN

NOTIS TAWARAN PAJAKAN PASAR DAN TANDAS AWAM MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM TAHUN 2026.

1. Tawaran adalah dipelawa kepada orang ramai / syarikat untuk memajak pungutan hasil sebagaimana di bawah tidak kurang daripada 12 bulan.

Bil	Nama Pajakan	No. Pajakan
1.	Tawaran Pajakan Tingkat Bawah Pasar Siti Khadijah	SP.5/2025
2.	Tawaran Pajakan Pasar, Pasar Malam, Pasar Pagi (Hari Jumaat) Kedai Buloh (Termasuk Tandas Awam)	SP.6/2025
3.	Tawaran Pajakan Emporium Khas	SP.7/2025
4.	Tawaran Pajakan Pasar Kubang Pasu (Termasuk Tandas Awam)	SP.8/2025
5.	Tawaran Pajakan Pasar Pauh Panji (Termasuk Tandas Awam)	SP.9/2025
6.	Tawaran Pajakan Pasar Kota Jembal (Termasuk Tandas Awam)	SP.10/2025
7.	Tawaran Pajakan Tandas Awam Di Dataran Muhammadi	SP.11/2025
8.	Tandas Awam Pasar Siti Khadijah, (Dalam Pasar)	SP.12/2025
9.	Tawaran Tandas Awam Berkelompok (Tandas Awam Medan Selera Teluk Puteri, Tandas Awam Taman Teluk Puteri dan Tandas Awam Medan Selera MPKB Sebelah Rohm Wako)	SP.13/2025
10.	Tawaran Pajakan Tandas Awam (Termasuk Surau), Padang Sintetik.	SP.14/2025

2. Penawar-penawar hendaklah mempunyai kemampuan atau bersedia untuk membayar Deposit Cagaran yang bersamaan 3 (Tiga) bulan harga sebutarga dan hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya satu hari sebelum mula menjalankan pajakan.

3. Borang tawaran serta dokumen mengandungi syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dengan bayaran RM50.00 senaskah daripada Bahagian Pengurusan Harta, Blok B, Tingkat 3, Majlis Perbandaran Kota Bharu – BRI pada bila-bila masa waktu pejabat mulai 6HB. NOVEMBER 2025.
4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Bahagian Perolehan, MPKB-BRI selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari pada 26HB. NOVEMBER 2025. Tawaran yang diterima selepas daripada tarikh dan masa tersebut tidak akan dilayan.
5. Sebarang pertanyaan hendaklah berhubung terus dengan Bahagian Pengurusan Harta, MPKB-BRI bila-bila masa waktu pejabat.

Saya yang menjalankan amanah,


(Sr HELMI BIN ABDULLAH)
Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta
b.p. Dato' Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam

Disediakan oleh :

Bahagian Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam

Bertarikh : 6 hb November 2025.